

NO. SOALAN: 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF

TARIKH : 15 MAC 2017

RUJUKAN : 9636

SOALAN:

Dato' Dr. Mujahid Bin Yusof [Parit Buntar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik kematian dalam lokap polis dari 2005 hingga 2016 dan apakah tindakan yang telah diambil berdasarkan Syor-Syor Suruhanjaya Siasatan Diraja pada tahun 2005.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian memandang serius kes-kes kematian dalam tahanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau pihak penguatkuasaan yang lain dan tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang didapati menggunakan kekerasan hingga menyebabkan kecederaan atau kematian. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian akan disiasat secara terperinci dan tindakan sewajarnya akan diambil sama ada dari sudut tatatertib atau mencadangkan kepada pihak pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.

Statistik kematian dalam tahanan polis bagi tahun 2013 hingga 2016 mengikut punca kematian adalah seperti berikut:-

BIL	PUNCA KEMATIAN	2013	2014	2015	2016
1.	HIV	1	1	0	0
2.	SAKIT ASMA	0	0	1	0
3.	SAKIT JANTUNG	1	2	1	2
4.	LAIN-LAIN PENYAKIT (USUS, HATI, KUNING, PARU-PARU, KERONGKONG	15	15	10	11
5.	PENDARAHAN DI OTAK	0	0	0	1
6.	GANTUNG DIRI	2	0	0	1
7.	GADUH SESAMA OKT	0	0	0	0
8.	DICEDERAKAN POLIS	1	0	0	0
JUMLAH		20	18	12	15

Statistik kematian dalam tahanan polis bagi tahun 2013 hingga 2016 mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:-

BIL	TAHUN	L	P	JUMLAH KES	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	WARGA ASING	JUMLAH KES
1.	2013	18	2	20	3	5	5	0	7	20
2.	2014	17	1	18	6	4	6	0	2	18
3.	2015	11	1	12	6	1	2	0	3	12
4.	2016	15	0	15	7	2	4	0	2	15
JUMLAH		61	4	65	22	12	17	0	14	65

NOTA : L = LELAKI , P = PEREMPUAN

Bagi mengatasi kes kematian dalam lokap, PDRM telah menyemak semula *Standard Operation Procedure (SOP)* sedia ada bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen baharu antaranya:-

- i. memastikan borang pengesahan penyakit/kecederaan hendaklah diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri;
- ii. orang tahanan yang mengidap penyakit berjangkit yang berisiko tinggi hendaklah dengan seberapa yang boleh diasingkan daripada tahanan lain;

- iii. lawatan oleh SUHAKAM dibuat bagi menentukan tahanan yang dilaksanakan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak antarabangsa;
- iv. orang tahanan hendaklah seboleh mungkin diasingkan mengikut kategori penahanan mereka sama ada ianya merupakan tahanan reman, tahanan yang telah dijatuhkan hukuman, tahanan yang mabuk, penjenayah yang "*habitual*", tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak;
- v. pemeriksaan berkala oleh pegawai perubatan daripada Kementerian Kesihatan; dan
- vi. menjadikan naziran terhadap lokap polis sebagai "*Key Performance Indicator (KPI)*", Kementerian Dalam Negeri mulai tahun 2017. Sejumlah 8 lokap polis telah dilawati oleh pasukan naziran.

Adalah diyakini dengan transformasi dan langkah-lagkah drastik yang telah diperkenalkan ini, kes kematian dalam tahanan dapat ditangani dengan lebih telus dan diterima oleh semua pihak serta sekaligus dapat mengurangkan kes kematian dalam tahanan.